

Hubungan Amalan Pengurusan Persekitaran Dan Kemudahan Fizikal Dengan Kesejahteraan Guru Pendidikan Khas: Satu Tinjauan Literatur

Siti Norfatin Abdullah, Bity Salwana Alias, Mohd Norazmi Nordin

Abstract – Kajian ini bertujuan untuk meninjau hubungan antara amalan pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal dengan kesejahteraan guru pendidikan khas. Guru pendidikan khas berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menjalankan tugas mereka, termasuk beban kerja yang tinggi, tekanan emosi, serta kekangan kemudahan fizikal yang tidak kondusif. Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan literatur dengan menganalisis kajian-kajian terdahulu yang berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengurusan persekitaran yang baik, termasuk kepimpinan yang responsif dan sokongan pentadbiran yang efektif, dapat meningkatkan kesejahteraan guru. Selain itu, kemudahan fizikal yang mencukupi dan sesuai, seperti bilik darjah yang selesa dan mesra murid berkeperluan khas, turut memainkan peranan penting dalam mengurangkan tekanan kerja guru. Walaupun terdapat usaha untuk menambah baik aspek pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal, masih terdapat cabaran dalam pelaksanaannya, terutama dari segi kekangan kewangan dan kurangnya kesedaran pihak berkepentingan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar pihak sekolah dan pembuat dasar memperkuat sistem sokongan kepada guru pendidikan khas, meningkatkan infrastruktur sekolah, serta mewujudkan budaya kerja yang lebih inklusif. Dengan pendekatan yang lebih holistik dan sistematik, kesejahteraan guru pendidikan khas dapat ditingkatkan, sekali gus memberi kesan positif terhadap kualiti pengajaran dan kesejahteraan murid berkeperluan khas.

Keywords –Pengurusan persekitaran, kemudahan fizikal, kesejahteraan guru, pendidikan khas, tinjauan literatur

I. PENGENALAN

Pendidikan khas memainkan peranan penting dalam memastikan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) mendapat akses kepada pembelajaran yang berkualiti. Dalam konteks ini, kesejahteraan guru pendidikan khas menjadi elemen kritikal bagi menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (Cann et al., 2021). Kajian terdahulu menunjukkan bahawa kesejahteraan guru dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk amalan pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal di sekolah (Rolfe et al., 2022). Pengurusan persekitaran merangkumi aspek organisasi bilik darjah, suasana kerja yang kondusif, dan budaya sekolah yang menyokong, manakala kemudahan fizikal melibatkan kelengkapan yang disediakan untuk memenuhi keperluan guru dan murid dalam persekitaran pendidikan khas (Sari et al., 2021).

Isu kesejahteraan guru pendidikan khas sering menjadi tumpuan dalam kajian-kajian terdahulu kerana beban tugas yang lebih mencabar berbanding guru arus perdana. Mereka bukan sahaja berperanan sebagai pendidik, malah turut bertindak sebagai fasilitator, pembimbing emosi, dan penyokong utama dalam perkembangan murid berkeperluan khas. Keadaan persekitaran kerja yang tidak kondusif, kekurangan sumber dan kemudahan fizikal yang tidak

mencukupi boleh meningkatkan tekanan dan menjejaskan kesejahteraan guru, seterusnya memberi kesan kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran (Bradley-Levine & Bender, 2023). Oleh itu, adalah penting untuk meneliti bagaimana pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal dapat mempengaruhi kesejahteraan guru pendidikan khas bagi memastikan keberkesanan sistem pendidikan khas secara keseluruhan.

Kajian ini bertujuan untuk meneroka hubungan antara amalan pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal dengan kesejahteraan guru pendidikan khas melalui tinjauan literatur. Dengan menganalisis kajian-kajian terdahulu melalui sumber SCOPUS, artikel ini akan mengenal pasti aspek pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan guru. Fokus utama kajian ini adalah untuk memahami bagaimana persekitaran kerja yang teratur, kemudahan yang mencukupi, dan sokongan pentadbiran sekolah dapat membantu meningkatkan kesejahteraan guru pendidikan khas.

Dalam konteks pengurusan persekitaran, elemen-elemen seperti kebersihan bilik darjah, tahap bunyi, pencahayaan yang mencukupi, serta penyusunan ruang pembelajaran yang fleksibel boleh mempengaruhi tahap kepuasan dan kesejahteraan guru. Manakala, kemudahan fizikal seperti perabot yang sesuai, teknologi bantuan, sumber pengajaran yang lengkap, dan akses kepada ruang rehat guru memainkan peranan penting dalam mengurangkan beban kerja guru dan meningkatkan motivasi mereka. Pentadbiran sekolah yang prihatin terhadap aspek ini berpotensi untuk meningkatkan kesejahteraan guru, sekali gus memberi impak positif terhadap kemenjadian murid berkeperluan khas.

Secara keseluruhannya, kajian ini akan menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang kepentingan pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal dalam meningkatkan kesejahteraan guru pendidikan khas. Dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan oleh pihak berkepentingan seperti pentadbir sekolah, pembuat dasar, dan penyelidik dalam usaha memperkuat sistem pendidikan khas di Malaysia

II. PENYATAAN MASALAH

Kesejahteraan guru pendidikan khas sangat penting bagi memastikan keberkesanan pengajaran murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK). Namun, mereka sering berdepan dengan cabaran seperti beban tugas tinggi, tekanan emosi, serta kekurangan sumber dan kemudahan yang tidak mencukupi (Hascher et al., 2021). Persekitaran kerja yang tidak kondusif dan kemudahan fizikal yang tidak mencukupi boleh menjejaskan motivasi serta kepuasan kerja

mereka, sekali gus memberi kesan negatif terhadap kualiti pendidikan khas (Sawatske et al., 2024).

Walaupun kajian terdahulu telah meneliti kesejahteraan guru pendidikan khas, masih terdapat jurang dalam memahami bagaimana amalan pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal mempengaruhi kesejahteraan mereka. Keadaan yang sama turut dibincangkan oleh Wajdi et al., (2023) yang mendapati pelaksanaan pengurusan penyelenggaraan dalam kalangan pemimpin sekolah adalah pada tahap rendah. Kajian Hj Nor & Rashed, (2018) mendapati sokongan pihak pentadbiran terhadap kelas pendidikan khas adalah kurang terutamanya dari segi pengurusan peruntukan kewangan untuk kemudahan pengajaran di kelas PPKI. , ketiadaan persekitaran pembelajaran yang kondusif disebabkan keadaan bilik darjah yang tidak memuaskan dan pengetahuan yang terhad dalam kalangan pentadbir dan guru tentang program pendidikan khas memburukkan lagi cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan khas, yang membawa kepada tekanan psikologi dan beban yang meningkat (Olagunju et al., 2021).

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis hubungan antara faktor-faktor tersebut melalui tinjauan literatur. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pentadbir sekolah dan pembuat dasar dalam memperbaiki persekitaran kerja serta meningkatkan kesejahteraan guru pendidikan khas.

III. TINJAUAN LITERATUR

Pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal adalah bidang yang melibatkan penyelenggaraan dan pengurusan ruang fizikal di tempat kerja, institusi, atau komuniti. Ini termasuk aspek seperti penyelenggaraan bangunan, pengurusan sisa dan kitar semula, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, pengurusan tenaga, serta pengurusan landskap dan alam sekitar, (Okoro, 2023). Sistem pendidikan masa kini perlu memberi penekanan kepada peningkatan kualiti pendidikan termasuklah berkaitan kemudahan dan infrastruktur sekolah. Perkembangan ini bukan hanya berlaku di negara maju, tetapi juga di negara-negara membangun di dunia (Santika et al., 2021). Di Malaysia, amalan pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal merupakan salah satu bidang yang perlu dikuasai oleh guru besar. Bidang ini dimuatkan di dalam Standard Kompetensi Kepengetuaan Malaysia (2006) yang menjelaskan peranan guru besar untuk mengurus persekitaran dan kemudahan fizikal sekolah. Hal ini kerana kemudahan pendidikan dan infrastruktur adalah perkara sokongan yang memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah serta memberi impak kepada kesejahteraan guru.

Kesejahteraan guru merangkumi kesejahteraan fizikal, emosi, sosial, dan profesional yang mempengaruhi kepuasan kerja serta prestasi mereka dalam bilik darjah. Guru pendidikan khas sering berdepan tekanan yang lebih tinggi berbanding guru arus perdana disebabkan oleh keperluan untuk mengurus pelbagai cabaran murid, beban kerja tambahan, dan keperluan pengajaran yang lebih kompleks (Smith et al., 2020).

Pelbagai kajian menunjukkan bahawa kesejahteraan guru pendidikan khas boleh dipengaruhi oleh faktor organisasi dan persekitaran kerja. Kajian oleh Brunsting et al. (2014) mendapati bahawa guru pendidikan khas lebih

cenderung mengalami keletihan emosi yang tinggi akibat tekanan kerja yang berpanjangan. Keadaan ini boleh menyebabkan kadar berhenti kerja yang lebih tinggi dalam kalangan mereka jika tidak ditangani dengan baik. Oleh itu, sokongan yang berterusan daripada pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah amat penting dalam memastikan kesejahteraan mereka terjaga.

Pengurusan persekitaran yang baik melibatkan penyediaan suasana kerja yang selesa dan menyokong keperluan guru dalam melaksanakan tugas mereka. Menurut Wang & Degol (2016), persekitaran kerja yang positif dapat meningkatkan motivasi dan kesejahteraan guru dengan mengurangkan tekanan serta meningkatkan kepuasan kerja. Dalam konteks pendidikan khas, persekitaran bilik darjah yang kondusif, susun atur yang fleksibel, serta suasana yang menyokong pembelajaran MBPK adalah penting untuk mengurangkan tekanan guru.

Kajian oleh Billingsley et al. (2019) mendapati bahawa guru yang bekerja dalam persekitaran yang teratur dan mempunyai hubungan baik dengan rakan sekerja serta pentadbir lebih cenderung untuk menunjukkan kepuasan kerja yang tinggi. Sebaliknya, suasana kerja yang penuh tekanan, kurangnya sokongan pentadbiran, dan kekangan dalam pengurusan sumber boleh menyebabkan tekanan emosi yang tinggi dalam kalangan guru pendidikan khas. Oleh itu, pihak pentadbiran sekolah perlu memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan persekitaran yang menyokong kesejahteraan guru.

IV. KAEDAH KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik. Dalam tinjauan sistematik ini, pangkalan data Scopus telah digunakan untuk memilih artikel jurnal yang berkaitan dengan tujuan tinjauan sistematik ini. Selepas memilih kata kunci, istilah serupa dicari menggunakan kamus, tesaurus, ensiklopedia, dan kajian terdahulu. Selepas membangunkan rentetan carian untuk pangkalan data Scopus, iaitu *TITLE-ABS-KEY ("educational leadership" AND "Special education" OR "Inclusive Education") AND (LIMIT-TO (SUBJAREA , "SOCI")) AND (LIMIT-TO (DOCTYPE , "ar")) AND (LIMIT-TO (LANGUAGE , "English")) AND (LIMIT-TO (PUBSTAGE , "final"))* semua frasa berkaitan telah dikenalpasti. Sebanyak 92 artikel yang relevan dengan isu kajian berjaya diperoleh daripada pangkalan data tersebut dalam fasa pertama. Semua laporan yang dikeluarkan dari tahun 2020 hingga 2025 telah dikaji di peringkat awal, dengan had diletakkan pada jenis dokumen seperti jadual 1.

JADUAL 1: KRITERIA PEMILIHAN CARIAN

KRITERIA	PILIHAN	PENGECUALIAN
<i>Language</i>	<i>English</i>	<i>Non-English</i>
<i>Time line</i>	2020 – 2025	< 2020
<i>Literature type</i>	<i>Journal (Article)</i>	<i>Conference, Book, Review</i>
<i>Publication Stage</i>	<i>Final</i>	<i>In Press</i>
<i>Subject</i>	<i>Social science</i>	<i>Besides Social science</i>

26 artikel telah dikumpulkan semasa langkah ketiga, iaitu penilaian kelayakan. Kesemua 26 artikel diteliti secara kualitatif bagi menjawab persoalan kajian seperti di bawah:

1. Bagaimanakah amalan pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal di sekolah mempengaruhi kesejahteraan guru pendidikan khas?

V. DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan tinjauan literatur terhadap kajian-kajian lepas, beberapa tema utama telah dikenal pasti yang menunjukkan hubungan antara amalan pengurusan persekitaran, kemudahan fizikal, dan kesejahteraan guru pendidikan khas. Berikut merupakan dapatan tinjauan kajian lepas berkaitan persoalan kajian :

JADUAL 2 : BAGAIMANAKAH AMALAN PENGURUSAN PERSEKITARAN DAN KEMUDAHAN FIZIKAL DI SEKOLAH MEMPENGARUHI KESEJAHTERAAN GURU PENDIDIKAN KHAS?

Aspek	Huraian	Contoh Konkrit	Rujukan
Peranan Kepimpinan dalam Mengurus Persekitaran	Kepimpinan pendidikan yang menekankan nilai inklusif dan inovatif dapat mewujudkan sistem sokongan yang kondusif untuk guru pendidikan khas, memperkukuh kesejahteraan emosi dan profesional mereka.	Memberikan autonomi dalam pengurusan kelas khas, mengadakan mesyuarat reflektif berkala untuk mengenalpasti keperluan guru.	(Gracia-Zomeño et al., 2025); (Vlachou & Tsirantonaki, 2023); (Agyapong et al., 2023)
Kualiti Kemudahan Fizikal	Kemudahan fizikal yang baik seperti bilik darjah mesra keperluan khas membantu meningkatkan kecekapan guru dan mengurangkan beban kerja, manakala kekurangan sumber boleh membawa kepada tekanan dan kekecewaan.	Bilik darjah berpenyumbat bunyi, alat bantu teknologi seperti smartboard, laluan akses untuk murid berkerusi roda.	(Dor-Haim, 2025); (McNamara dan Rizzo, 2023); (Bittner et al. (2020)

Sokongan Kepimpinan dan Budaya Organisasi	Kepimpinan yang menyokong budaya kolaboratif dan penyertaan dalam membuat keputusan meningkatkan kepuasan kerja guru pendidikan khas serta mengurangkan perasaan terasing.	Penglibatan guru dalam jawatankuasa sekolah, program "peer mentoring" antara guru senior dan baru.	Sinnema et al. (2025); Weir, Boscardin, dan Griffin (2023); Dor-Haim (2024)
Pembangunan Profesional Berkaitan Persekitaran	Latihan profesional dalam penggunaan ruang dan kemudahan fizikal inklusif mempertingkatkan keupayaan guru untuk mengatasi kekangan persekitaran secara kreatif, seterusnya meningkatkan kesejahteraan kerja.	Kursus latihan tentang penggunaan alat bantu pengajaran khas, bengkel pengurusan bilik darjah berkeperluan tinggi.	Melloy, Cieminski, dan Sundeen (2022); Scott dan Dieker (2024); Mosbiran et al. (2021)
Implikasi Sosial dan Kesejahteraan Guru	Sekolah yang mengutamakan kemudahan mesra inklusi menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan emosi dan kadar pengekalan guru pendidikan khas.	Polisi mesra kerja fleksibel untuk guru pendidikan khas, program kesejahteraan psikologi di sekolah.	Braunsteiner dan Mariano-Lapidus (2021); DeMatthews dan Mueller (2022); Dor-Haim (2025)

VI. KESIMPULAN

Amalan pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal memberikan impak besar terhadap kesejahteraan guru pendidikan khas. Kepimpinan sekolah yang mengamalkan nilai inklusif dan inovatif, serta membentuk budaya organisasi berasaskan kolaborasi dan sokongan sosial, merupakan asas utama dalam membina kesejahteraan emosi dan profesional guru. Ketersediaan kemudahan fizikal yang berkualiti seperti bilik darjah beradaptasi, peralatan teknologi canggih, dan reka bentuk ruang yang mesra keperluan khas memperkukuh lagi kecekapan guru dalam melaksanakan tugas, sekali gus mengurangkan tekanan kerja yang berlebihan.

Latihan profesional yang berterusan dalam pengurusan ruang pendidikan khas dan penggunaan kemudahan fizikal beradaptasi juga terbukti meningkatkan kebolehan guru dalam menangani pelbagai cabaran bilik darjah, justeru memperkasa mereka secara individu dan kolektif. Guru yang diberikan peluang latihan sebegini bukan sahaja berasa lebih yakin dalam pengendalian kelas, malah berasa dihargai oleh pihak pengurusan sekolah. Ini mengurangkan kadar burnout dan meningkatkan daya tahan kerja dalam jangka masa panjang.

Implikasi kajian ini terhadap amalan pendidikan adalah signifikan. Pentadbir sekolah dan pihak berkepentingan perlu mengutamakan pembangunan kemudahan fizikal yang memenuhi keperluan pelbagai kategori murid berkeperluan khas serta menyediakan sokongan berterusan dari segi emosi, psikososial dan profesional kepada guru. Ini termasuk pelaksanaan dasar kerja fleksibel, program kesejahteraan mental guru, serta melibatkan aktif guru dalam

proses membuat keputusan di peringkat sekolah. Kegagalan untuk memberi perhatian kepada aspek-aspek ini boleh menyebabkan ketidakpuasan kerja yang seterusnya memberi kesan negatif kepada prestasi guru dan hasil pembelajaran murid.

Dari sudut polisi, hasil kajian ini menunjukkan bahawa dasar pendidikan perlu memperkukuhkan elemen sokongan kepada guru pendidikan khas dengan lebih menyeluruh. Ini boleh dilaksanakan melalui penambahbaikan modul latihan kepimpinan pendidikan yang memberi penekanan kepada pengurusan persekitaran inklusif dan pembinaan kemudahan fizikal yang mesra semua golongan. Selain itu, penyediaan peruntukan khas untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur pendidikan khas perlu dipandang serius oleh pembuat dasar.

Kesimpulannya, kesejahteraan guru pendidikan khas bukan hanya dipengaruhi oleh satu faktor tunggal, tetapi oleh kombinasi erat antara amalan kepimpinan, kualiti kemudahan fizikal, budaya organisasi, sokongan emosi, latihan profesional dan dasar inklusif yang berkesan. Kesemua elemen ini perlu dirancang secara sistematik dan dilaksanakan secara konsisten bagi memastikan guru pendidikan khas dapat berfungsi dengan optimum, seterusnya memberi manfaat yang besar kepada pembangunan potensi murid berkeperluan khas.

RUJUKAN

- Agyapong, B., Brett-MacLean, P., Burbach, L., Agyapong, V. I. O., & Wei, Y. (2023). Interventions to Reduce Stress and Burnout among Teachers: A Scoping Review. In *International Journal of Environmental Research and Public Health*. <https://doi.org/10.3390/ijerph20095625>
- Bradley-Levine, J., & Bender, S. D. (2023). Critical Teacher Leadership and Wellness During Medical, Social, and Racial Unrest. *Urban Education*. <https://doi.org/10.1177/00420859231192085>
- Cann, R. F., Riedel-Prabhakar, R., & Powell, D. (2021). A Model of Positive School Leadership to Improve Teacher Wellbeing. *International Journal of Applied Positive Psychology*. <https://doi.org/10.1007/s41042-020-00045-5>
- Dor-Haim, P. (2025). Understanding self-fulfillment: principals' perspectives in special education for complex disabilities. *Journal of Educational Administration*, 63(1), 34 – 47. <https://doi.org/10.1108/JEA-06-2024-0178>
- Gracia-Zomeño, A., García-Toledano, E., García-Perales, R., & Palomares-Ruiz, A. (2025). Leadership and Entrepreneurship in Education and Their Impact on the Management of Sustainable Educational Environments. *Sustainability (Switzerland)*, 17(7). <https://doi.org/10.3390/su17072911>
- Hascher, T., Beltman, S., & Mansfield, C. (2021). Teacher wellbeing and resilience: towards an integrative model. In *Educational Research*. <https://doi.org/10.1080/00131881.2021.1980416>
- Hj Nor, S. M., & Rashed, Z. N. (2018). Peranan dan Cabaran Guru-Guru Pendidikan Khas Membentuk Kemenjadian Murid-Murid Masalah Pendengaran dalam Abad ke 21. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no1.10>
- Okoro, C. (2023). Sustainable Facilities Management in the Built Environment: A Mixed-Method Review. *Sustainability*. <https://doi.org/10.3390/su15043174>
- Olagunju, A. T., Akinola, M. A., Fadipe, B., Jagun, O. O., Olagunju, T. O., Akinola, O. O., Ogunnubi, O. P., Olusile, O. J., Oluyemi, O. Y., & Chaimowitz, G. A. (2021). Psychosocial Wellbeing of Nigerian Teachers in Special Education Schools. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 51(4), 1131–1141. <https://doi.org/10.1007/s10803-020-04606-0>
- Rolfe, A., Franz, J., & Bridge, A. (2022). The combined impact of school design and procurement on student wellbeing and educational outcomes. *Facilities*. <https://doi.org/10.1108/F-08-2021-0071>
- Santika, F., Sowiyah, Pangestu, U., & Nurahlaini, M. (2021). School Facilities and Infrastructure Management in Improving Education Quality. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 05(06), 280–285. <https://doi.org/10.47772/ijriss.2021.5612>
- Sari, E. P., Ahmad, S., & Destiniar, D. (2021). The influence of school facilities and the work environment on teachers performance of elementary school. *JPGI (Jurnal Penelitian Guru Indonesia)*. <https://doi.org/10.29210/021039jpgi0005>
- Sawatske, A., Leonard, C., Harris, J., & Dally, K. (2024). The Case for Special Education Teacher Wellbeing: A Multidimensional Review of the Evidence and Future Directions. *Australasian Journal of Special and Inclusive Education*, 1–14. <https://doi.org/10.1017/jsi.2023.16>
- Vlachou, A., & Tsirantonaki, S. S. (2023). The Importance of School Principals' Values towards the Inclusive Education of Disabled Students: Associations between Their Values and Knowledge, Beliefs, Attitudes and Practices. *Education Sciences*, 13(4). <https://doi.org/10.3390/educsci13040360>
- Wajdi, F., Putra, Z., & Arif, A. (2023). Management of Educational Facilities and Infrastructure in Improving Learning Productivity in Elementary Schools. *Proceedings of the International Conference on Educational Management and Technology (ICEMT 2022)*, 1, 44–51. https://doi.org/10.2991/978-2-494069-95-4_6